

Qalam

Bilangan 107 Zulhijjah 1378 Jun 1959 60 sen

Ucapan Takziah

Pada 8 haribulan Mei 1959 Yang Maha Mulia Sultan

Ibrahim ibn Almarhum al-Sultan Abu Bakar telah mangkat, kembali ke rahmatullah di London setelah berusia 86 tahun, iaitu suatu usia yang lanjut bagi seorang sultan yang pernah memerintah di Tanah Melayu ini qālu innā Allah¹ wa innā ilayhi rāji‘ūn – daripada-Nya kita datang dan kepada-Nya kita kembali. Jenazah baginda dibawa balik ke Johor dan akan sampai pada 4 haribulan Jun serta dimakamkan dua hari kemudiannya iaitu pada 6 haribulan Jun 1959.

Kemangkatan baginda adalah suatu kehilangan yang besar kepada Johor. Semoga umat Johor, khususnya keluarga diraja diberi Tuhan limpah kesabaran dan jasa-jasa Almarhum yang banyak kepada agama dan watannya dibalaskan Tuhan dengan sebaik-baik balasan di dalam Jannah – Āmīn.

Kekalahan PAS di Utara

Dalam pilihanraya di utara Malaya (Kedah dan Perlis) calon-calon PAS telah banyak diletakkan untuk menentang Perikatan tetapi tidak seorang pun daripada calon-calon PAS itu yang dapat berjaya bahkan semua kerusi-kerusi di dalam dua buah negeri itu telah dimenangi oleh Perikatan.

Kemenangan Perikatan adalah kerana kesungguhan dan kerajinan ketua-ketua mereka bekerja mengadakan kempen

dan usaha mereka masuk kampung keluar kampung

dengan tidak berhentinya, sedang kekalahan PAS di dalam hal

ini banyak pula perkara-perkaranya yang patut dikaji dan

dihalusi. Kajian yang kita kemukakan ini supaya

kelak dihalusi dan diselidiki oleh orang-orang PAS

di dalam masa menghadapi pilihanraya-pilihanraya yang akan datang – supaya

berhati-hati di dalam tiap-tiap langkah dan perjuangannya bagi

masa yang akan datang.

Seperkara yang sangat-sangat perlu diingat dan

diperhatikan bahawa apabila PAS disusun semula selepas

pilihanraya yang lalu maka PAS berusaha mengembangkan

sayapnya di mana-mana dengan menubuhkan cabang dan rantingnya –

dan untuk ini tentu sahaja dakyah-dakyah dikehendaki

untuk menarik orang bersatu di dalam PAS.

Memberi kesedaran-kesedaran yang serupa ini sangat-sangat

mustahak dan lebih utama daripada menjawab segala

tuduhan-tuduhan yang karut. Terangkan kewajipan mereka itu

dengan jelas dan nyata sehingga termakan oleh otaknya

dan supaya hatinya patuh. Apabila ini telah ada di dalam

jiwa umat Islam maka jadilah mereka apabila diseru

kepada jalan Allah tidak ada lain katanya selain daripada

sami‘nā wa aṭa‘nā – kami dengar² dan kami taat – mereka

akan bersedia mengorbankan segala-galanya untuk menegakkan

kalimah Tuhan.

Tiap-tiap pegawai-pegawai yang memberi penerangan kepada umat

itu hendaklah menjaga dan mengawal peribadinya dengan

sempurna dan baik supaya kelak jangan dijadikan

orang semata-mata untuk menikam PAS disebabkan oleh

perbuatan sendiri.

Janganlah mudah melatah apabila dicucuk orang,

apabila disebut orang tetapi jawablah sesuatu tuduhan

¹ sebetulnya *lillāhi*

² Kesalahan teks. Perkataan sebenar adalah ‘dengar’

dengan cara yang baik – iaitu terangkan kepada umat akan apa yang sebenarnya dan apa jalannya yang benar. Jangan merendahkan diri kita menjawab maki dengan maki kerana cara maki jawab maki itu bukannya itu yang diajarkan oleh Islam – yang ditunjukkan oleh Muḥammad (SAW) di dalam cara menegakkan kalimah Islam terutamanya di dalam menghadapi orang-orang Islam sendiri yang kurang pengertiannya di dalam ajaran-ajaran Islam sama ada ia orang-orang yang disebut berpelajaran ataupun bukan.

Mudah-mudahan peringatan ini diselidiki dan disiasat serta ditenguh oleh pemimpin-pemimpin PAS.

Peringatan

Di dalam masa pilihanraya berjalan di Persekutuan yang harus akan bertali-tali beberapa bulan lagi menjelang bulan Ogos 1959 ini pertentangan-pertentangan mulut di antara Perikatan dan PAS semakin galak.

Di dalam pertentangan itu orang-orang yang di luar parti yang lebih banyak jumlahnya ada memerhati dan melihat sahaja. Mereka tidak mau berkata apa-apa jika sekiranya PAS membidas Perikatan dan Perikatan membidas PAS kalau perkara-perkara itu tidak melanggar asas-asas hukum atau cita-cita perjuangan Islam.

Di dalam masa itu pemimpin-pemimpin PAS dengan lantang menggunakan ayat-ayat al-Quran untuk membidas orang lain – dengan cara-cara dan kata-kata yang menyakiti orang-orang yang tidak gemar ayat-ayat Tuhan itu digunakan kerana memunafik atau mengkafir ataupun lain-lainnya sebab yang demikian dipandang mereka bukan sebagai satu ajaran daripada agamanya.

Ucapan-ucapan yang bersemangat tetapi membidas itu boleh dikata umum digunakan oleh pemimpin-pemimpin PAS – yang kebanyakannya terdiri daripada orang-orang yang masih panas

darahnya sehingga mereka tidak memikirkan kesan atau akibat daripada apa yang diucapkan oleh mereka.

Dengan kerana ucapan-ucapan itu maka ucapan itu dijadikan orang modal pula untuk memukul PAS – memomokkan PAS sehingga ada diantaranya menuduh bahawa agama Islam tidak boleh mentadbirkan negara, memomok-momokkan bahawa PAS, apabila berkuasa terus sahaja dengan serta-merta menjalankan hukum al-Qur’ ān – bertindak dengan serta-merta.

Tuduhan-tuduhan ini terbit, tidak lain dan tidak bukan ialah kerana pemimpin-pemimpin PAS itu di dalam ucapan-ucapannya terus-menerus menghentam, membujur lalu, melintang patah. Perbuatan-perbuatan ini sebenarnya hanya mendapat sambutan yang sedikit jua tetapi yang banyaknya adalah melarikan diri – berhadapan manis tetapi di dalam hatinya takut – takut kerana yang berkata-kata itu lingkungan ustaz-ustaz dan guru-guru agama yang disegani mereka.

Kita telah pernah menegur pemimpin-pemimpin PAS yang telah berkata semau-maunya sahaja dengan menggunakan ayat-ayat Tuhan, dan kerana teguran-teguran itu orang menyangka kita membenci atau anti kepada PAS sehingga ada beberapa surat yang dihantarkan kepada kita dengan cara yang biadab daripada mereka yang mengatakan dirinya pengikut PAS yang masih belum memandang jauh ke hadapan apa ertinya perjuangan.

Kita berharap segala kesalahan itu dikaji semula dan dihalusi: Sesat jalan berbalik ke pangkal, ialah sebaik-baik perbuatan yang dilakukan oleh umat Islam.

Serulah dan sedarkanlah dahulu umat Islam terhadap kepada kewajipannya kepada agamanya. Insafkan mereka kepada apa ertinya beragama dan apa tanggungan